

Maklumat Komoditi : Lengkuas

Penuaian

PENUAIAN HASIL & PENGENDALIAN LEPAS TUAI

Tempoh masa terbaik untuk tuai ialah 8-12 bulan selepas tanam. Cara menuai ialah mengeluarkan umbisi dengan peralatan sesuai, buang akar dan batang dan potong umbisi mengikut saiz yang sesuai. Perdu perlu dipecahkan atau diasingkan daripada rumpun kira-kira 2-4 rizom satu bahagian bagi tujuan pemasaran. Seterusnya lengkuas dibersihkan daripada kekotoran dengan air bersih. Lengkuas mampu bertahan selama 30 hari sekiranya disimpan dengan baik.

Anggaran hasil ialah 10kg umbisi bagi serumpun lengkuas.